

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

PENOLONG PEGAWAI SAINS C5 (KONTRAK BUKAN WARAN) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS KIMIA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BIDANG

Sains Kimia

TEMPOH LANTIKAN

Satu (1) Tahun

SPESIFIKASI KERJA

1. Bertanggungjawab dalam pengurusan makmal pengajaran dan pembelajaran meliputi:
 - i. Pengurusan inventori bahan kimia dan radas kaca
 - ii. Pengurusan Aset
 - iii. Pengendalian operasi makmal pengajaran dan pembelajaran.
2. Bertanggungjawab dalam pengendalian peralatan saintifik.
3. Bertanggungjawab dalam pematuhan kepada keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang berkaitan dengan makmal.

KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,650.00); atau
 - (ii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam jurusan Sains yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,650.00); atau
 - (iii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,731.00); atau
 - (iv) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,812.00); atau
 - (v) Diploma Sains atau Diploma Teknologi Makmal Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,974.00); atau
 - (vi) Diploma Sains dalam bidang Kimia Industri atau Mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C5: RM1,974.00).

2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
3. Pemohon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
4. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

KRITERIA TAMBAHAN

1. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan makmal termasuk pemantauan keselamatan makmal, pengurusan sisa kimia, dan penyelenggaraan peralatan saintifik.

GAJI

Gaji Pokok : **RM1,650.00** Sebulan (Minimum)

Bayaran Imbuhan Sara Hidup : **RM350.00** Sebulan

Imbuhan Tetap Perumahan : **RM300.00** Sebulan

Imbuhan Tetap Khidmat Awam : **RM160.00** Sebulan

CARA MEMOHON

Mengisi kesemua ruangan dalam google form di pautan: <https://forms.gle/MbxftxT8jgbQB5mCA> dan muat naik dokumen-dokumen berikut:-

1. Salinan butiran jaya diri (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport. CV hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-
 - (i) latar belakang diri termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi;
 - (ii) latar belakang pendidikan serta pengalaman kerjaya (sekiranya ada).
2. Salinan kad pengenalan;
3. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia; dan
4. Dokumen/salinan sijil akademik yang berkaitan

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil temuduga.
2. Calon yang tidak menerima jawapan selepas (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **Tidak Berjaya.**

Tarikh Tutup Permohonan Adalah Pada 12 Mei 2025 (Isnin)

Dekan
Pusat Pengajian Sains Kimia
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

E-mel : chemusm3@gmail.com
No. Tel : 04-653 3262